KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18.03.22	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JPSM			

Penceroboh hutan bakal berdepan tindakan undang-undang

KUANTAN - Tindakan perundangan akan diambil terhadap individu yang didapati melakukan pencerobohan Hutan Simpan kekal (HSK) dan memindahkan hasil hutan tanpa kebenaran.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nor Azirim Ahmad menegaskan tidak akan berkompromi dalam hal berkaitan pencerobohan hutan di seluruh negeri ini.

Menurutnya, adalah agak sukar bagi jabatan untuk memastikan tidak berlaku pencerobohan dan memindahkan hasil hutan tanpa kerjasama daripada masyarakat.

"Kita sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa untuk mencegah kes-kes pencerobohan dan kesalahan hutan di kawasan HSK di Pahang," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

FOTO: JPNP PAHANG



Anggota Unit Penguat Kuasa Barat JPNP menyita jengkaut yang menceroboh Hutan Simpan Jerantut.

Nor Azirim berkata, risikan di kawasan Hutan Simpan Jerantut bersama kakitangan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Jerantut dilakukan dengan menggunakan imej satelit pada Selasa.

Susulan itu, katanya, satu serbuan telah dilakukan dan mendapati kerja-kerja memperbesarkan kawasan taman kelapa sawit telah diusahakan pihak tertentu.

"Seorang lelaki yang merupakan pemandu jengkaut sedang melakukan kerja-kerja di kawasan hutan ditahan untuk diambil keterangan sebelum dibebaskan dengan jaminan polis," katanya sambil memaklumkan jengkaut dan kenderaan pacuan empat roda tersebut turut disita.